

KEBURUKAN KESAN MEROKOK TERHADAP MASYARAKAT

Oleh: Muhammad Firdaus bin Faisal, 1171780

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 21 July 2020

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Merokok merupakan tabiat buruk yang dikesan berlaku di seluruh dunia dengan membabitkan sebahagian besar anggota masyarakat termasuk golongan kanak-kanak dan remaja.

Tabiat merokok amat sukar dibendung dan dihentikan kerana bahan kimia iaitu nikotin yang terkandung dalam rokok menyebabkan ketagihan yang sukar untuk dirawat.

Kerajaan Malaysia telah membelanjakan peruntukan kira-kira RM17 juta untuk menjayakan kempen Tak Nak dalam usaha menghentikan tabiat merokok dalam kalangan rakyat.

Walau bagaimanapun, keberkesanan kempen tersebut boleh dipersoalkan kerana masih ramai lagi perokok di negara ini.

Dari segi kesihatan, perokok sering mengalami penyakit kronik seperti kanser paru-paru, kanser mulut, batuk kering, penyakit jantung, barah pundi kencing, kerongkong dan masalah pernafasan serta melemahkan fungsi otak.

Tabiat yang tidak berfaedah ini menyebabkan mereka yang ketagih merokok sanggup menghabiskan wang untuk membeli rokok. Malah, ada yang sanggup berbelanja sehingga ratusan ringgit setiap bulan.

Merokok juga boleh menjejaskan keterampilan diri. Misalnya, seseorang yang merokok mempunyai nafas yang berbau busuk.

Apabila dia berbual dengan rakan-rakan, pasti mereka dapat menghidu bau kurang menyenangkan yang keluar dari mulutnya. Asap rokok yang dihisapnya juga boleh menimbulkan situasi kurang selesa terhadap mereka yang berdekatan dengannya.

Mungkin ada segelintir wanita yang merokok kerana menganggap perbuatan itu melambangkan gaya hidup yang moden. Ada juga yang merokok kononnya untuk mengawal berat badan.

Kesan merokok adalah lebih buruk terhadap wanita yang hamil. Rokok bukan sahaja boleh memudaratkan dirinya sendiri, malah turut mengancam nyawa janin dalam kandungannya.

Bahan kimia beracun dalam asap rokok yang disedutnya boleh disalurkan kepada janin sekali gus mendedahkan bayinya terhadap risiko kematian pada bulan-bulan awal kelahiran. Lebih malang lagi, bayi mungkin meninggal dunia sebelum sempat dilahirkan.

Selain itu, wanita yang merokok boleh memindahkan nikotin dalam tubuhnya melalui susu badan yang diminum oleh bayinya. Jika dia merokok di dalam rumah, anaknya terdedah kepada risiko perokok kedua yang kesannya sangat buruk terhadap kesihatan.

Tiada siapa pun yang dapat menafikan bahawa tabiat merokok mempunyai banyak keburukan terhadap mereka yang menghisap rokok dan orang-orang di sekeliling mereka.

Merokok adalah haram pada pandangan Islam, selari dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Tidak boleh memberi mudarat dan membalas dengan kemudaratannya.”

Tabiat merokok dalam kalangan kanak-kanak dan remaja juga dikhuatiri boleh mempengaruhi mereka terjebak dalam gejala penyalahgunaan dadah apabila mereka dewasa.

Sehubungan itu, adalah wajar bagi kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat bagi mengawal tabiat merokok dalam kalangan rakyat bagi menjayakan matlamat membebaskan Malaysia daripada asap rokok.

**BERHENTI SEKARANG!
MEROKOK MERUGIKAN.**



AMARAN!
ROKOK PENYEBAB

Hubungi Talian Infoline Berhenti Merokok
03 - 8883 4400

Tak nak!
RUKM

